

Tatacara Pendaftaran Kes Mut'ah

- (i) Tuntutan hendaklah difailkan di Mahkamah Syariah.
- (ii) Dokumen pendaftaran kes hendaklah difailkan seperti berikut:
 - ✓ Surat iringan pemfailan kes
 - ✓ Penyata tuntutan
 - ✓ Salinan kad pengenalan plaintif
 - ✓ Salinan sijil cerai atau pengesahan cerai
 - ✓ Wakalah Peguam Syarie (jika guna khidmat peguam)
 - ✓ Lain-lain dokumen berkaitan tuntutan (jika ada)

NOTA PERINGATAN:

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-257032 088-258549
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN
BANGUNAN URUSETIA NEGERI
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,
PETI SURAT 1892
91043 TAWAU
TEL:089-765942, 089-760908
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

MUT'AH



Mut'ah

Mut'ah ialah bayaran wajib oleh suami kepada isteri yang diceraikan tanpa sebab yang patut mengikut hukum syara'. Perkara ini diperuntukkan di bawah seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sabah) 2004.

Perceraian yang berlaku disebabkan isteri seperti murtad atau fasakh kerana aib (kecacatan) di pihak isteri atau isteri menuntut fasakh kerana aib di pihak suaminya, maka dia tidak berhak mendapat mut'ah.

Dalil Pensyarifan

Firman Allah SWT yang bermaksud;

"Tidaklah kamu bersalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran mas kahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan mas kahwin untuk mereka. Walaupun demikian, hendaklah kamu memberi mut'ah (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu), iaitu suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya, dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang (yang mahu) berbuat kebaikan".

(Surah al-Baqarah 2:236)

Tujuan Mut'ah

- (i) Meringankan beban yang ditanggung oleh bekas isteri akibat diceraikan oleh bekas suaminya.
- (ii) Isteri dapat memulakan penghidupan baru secara bersendirian atau sebelum dia dapat berkahwin dengan lelaki lain atau sebelum dia kembali semula kepada suaminya yang asal.
- (iii) Isteri yang diceraikan dapat menghadapi masa depan hidupnya dengan penuh cekal dan sabar.
- (iv) Penghargaan suami terhadap isteri di atas sumbangan di dalam keluarga.

Kadar mut'ah boleh ditentukan melalui persetujuan kedua-dua belah pihak. Sekiranya terdapat pertikaian mengenai kadar ini, mahkamah akan menentukan kadar bayaran mut'ah tersebut.